

30 NOV 1999

P/Raya-Kedudukan (1.30 pagi)

BARISAN NASIONAL DAHULUI DENGAN 89 KERUSI, PEMBANGKANG 19

KUALA LUMPUR, Nov 30 (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) terus mendahului kedudukan dalam pilihan raya umum kali ini dengan memenangi 89 daripada 108 kerusi Parlimen yang diisytiharkan setakat 1.30 pagi ini.

Pembangkang menang 19 kerusi.

Bilangan kerusi yang diisytiharkan setakat ini ialah kira-kira 56 peratus daripada 193 kerusi Parlimen yang dipertandingkan. Dengan jumlah terbaru itu, BN memerlukan lapan kerusi lagi untuk menang.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sekali lagi mengekalkan kerusi Parlimen Kubang Pasu.

Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu juga mempertahankan kerusi Parlimen Sungai Siput manakala Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob turut menang kerusi Parlimen Kuantan.

Bagi kerusi Parlimen Tanjong yang menjadi tumpuan, calon DAP Chow Kon Yeow mengalahkan calon BN Cheang Chee Gooi.

Di Perlis, Menteri Besar Datuk Seri Shahidan Kassim memenangi kerusi Dewan Undangan Negeri Tambun Tualang.

-- BERNAMA

SHY NAK